

GARIS PANDUAN PENULISAN TESIS (EKSEGESI) BAGI PROGRAM IJAZAH SARJANA STUDIO SENI HALUS (*MA Fine Art Studio – MT129*) DAN DOKTOR FALSAFAH STUDIO SENI HALUS (*PhD Fine Art Studio – PT129*)

1.0 PENGENALAN

Program pengajian Studio Seni Halus merupakan suatu bentuk program yang menekankan kepada proses kreatif penghasilan karya Seni Visual yang membincangkan isu/permasalahan kajian secara kritikal dalam aspek kontekstual dan teoritikal. Keunikan kaedah penyelidikan praktik studio ini memerlukan suatu bentuk format penulisan tesis (eksegesi) dan penilaian karya/tesis yang merangkumi penilaian karya penyelidikan dan penilaian tesis (secara bersama) bagi menjelaskan isu/permasalahan dan proses penyelidikan secara jelas dalam menyumbang kepada penjanaan pengetahuan baru dalam bidang Seni Visual.

2.0 FORMAT KANDUNGAN TESIS (EKSEGESI)

2.1 Tesis merupakan penulisan yang berbentuk teoritikal /konseptual yang dihasilkan sebagai bahan sokongan (pameran) untuk menjelaskan proses dan hasil penyelidikan (karya kreatif) yang dibuat. Secara umumnya tesis (eksegesi) mengandungi empat (4) bab iaitu:

- a) Pengenalan (*Central Argument*)
- b) Konteks (*Context*)
- c) Kajian Studio (*The Studio Investigation*)
- d) Kesimpulan (*Conclusion*)

A) Bab Pengenalan (*Central Argument*)

Bahagian ini adalah pengenalan pada i) **Latar Belakang** yang berkaitan dengan kajian/penyelidikan secara umum. Huraianya hendaklah memberi gambaran awal terhadap skop kajian yang dijalankan dan merupakan pencetus kepada gagasan kajian. ii) **Isu/Masalah Kajian** perlu dijelaskan dalam aspek mengapa kajian perlu dijalankan berdasarkan hujah dan bukti yang berkaitan. iii) **Objektif Kajian** perlu dibentuk secara spesifik, kebolehcapaian, realistik dan bersesuaian dengan tempoh, bidang dan tahap kajian. iv) **Soalan Kajian** perlu mengandungi soalan yang hendak dijawab dalam kajian dan kebiasaannya dibina berdasarkan objektif kajian dan perlu mempunyai kaitan dengan pernyataan isu/masalah. v) **Garis Panduan Projek** akan menjelaskan bagaimana projek penyelidikan (karya) akan dijalankan yang melibatkan aspek bahan dan media, teknik, penggunaan dan manipulasi imajan, elemen-elemen/konsep yang menjadi tumpuan kajian dan lain-lain perkara yang berkaitan. vi) **Limitasi Kajian** akan menjelaskan ruang lingkup kajian selain menyatakan isu/perkara yang tidak berada dalam konteks skop isu/permasalahan kajian. vii) **Signifikan Kajian** akan memperincikan secara jelas impak dan faedah daripada kajian dalam ruang lingkup perkembangan ilmu, sumbangan kajian dalam konteks bidang Seni Visual dan sumbangan kajian kepada penyelidik (pelukis). viii) **Kerangka Konseptual Kajian** akan menjelaskan aspek berkaitan teori atau konsep yang mendasari kajian daripada sumber-sumber yang berwibawa. Sekiranya perlu kerangka ini boleh dipersembahkan dalam bentuk gambar rajah. viii) **Tinjauan Karya Terdahulu** akan membincangkan siri-siri karya yang pernah dihasilkan yang mempunyai

hubungan dengan isu kajian dalam pelbagai aspek seperti tema/isu, bahan dan teknik, bentuk persembahan dan lain-lain perkara yang berkaitan selain membincangkan bagaimana karya-karya ini menyumbang kepada penjanaan idea bagi pengembangan isu/permasalahan kajian. x) **Pembangunan Utama Dalam Penyelidikan Praktikal** akan menjelaskan aspek-aspek utama dalam setiap fasa pembangunan kajian (karya) dalam konteks pengembangan isu dan eksplorasi permasalahan ‘bentuk dan makna’.

B) **Konteks (Context)**

Bahagian ini merupakan kajian literatur yang membincangkan secara kritikal dan analatikal aspek teori-teori yang mempunyai hubungan dengan isu/permasalahan kajian dan membincangkan karya-karya pelukis sebagai rujukan dan panduan dalam aspek isu dan konteks. Bahagian ini akan menjadi panduan utama dalam pengembangan isu kajian (karya) terutamanya dalam aspek kontekstual. i) **Tinjauan Teori** akan membincangkan teori atau konsep yang mempunyai hubungan dengan isu/permasalahan kajian yang mana konsepnya akan integrasikan dalam setiap perkembangan kajian (karya) secara kontekstual. ii) **Pelukis-pelukis Rujukan** merupakan suatu bentuk kaji selidik karya-karya pelukis yang mempunyai hubungan dengan isu dan konteks kajian. Kaji selidik ini akan memberikan sumbangan dalam aspek pengembangan kontekstual kajian selain sebagai panduan untuk mengenal pasti sumbangan kajian dalam konteks Seni Visual.

C) **Kajian Studio (The Studio Investigation)**

Bahagian ini akan membincangkan metodologi dan analisis kajian serta proses pengembangan kajian (karya). i) **Metodologi** akan menjelaskan kaedah dan pendekatan yang digunakan bagi menjalankan kajian. Bahagian ini mengandungi penerangan dan justifikasi terhadap eksperimen praktikal studio, sesi kritik, refleksi kendiri (analisis), ulasan kontekstual (jika perlu). ii) **Kajian Studio** akan menjelaskan secara terperinci bagaimana perkembangan kajian (karya) dijalankan dalam setiap fasa dalam aspek proses dan kaedah menerusi penggunaan imej-imej yang bersesuaian, jadual atau lakaran (jika perlu) dan memberi penjelasan terhadap kejayaan dan kegagalan sesuatu pendekatan dan teknik yang digunakan. Bahagian ini juga akan membincangkan analisis selari dengan perbincangan kaedah dan proses menerusi pendekatan penerangan, tafsiran dan penilaian.

D) **Kesimpulan (Conclusion)**

Bab ini membincangkan dapatan kajian dengan mengaitkannya secara kontekstual. Sebaiknya, perbincangan dapatan kajian ditulis mengikut susunan objektif atau soalan kajian. Dapatan kajian ini perlu dibincangkan secara kritikal bagi melambangkan kesarjanaan sesuatu kajian yang dijalankan. Penemuan kajian disimpulkan selari dengan soalan kajian. Kajian juga boleh mencadangkan sesuatu inovasi atau idea baharu berdasarkan dapatan kajian. Signifikan kajian dan implikasi terhadap bidang kajian perlu dinyatakan. Cadangan kajian untuk masa hadapan juga perlu dimasukkan dalam bab ini.

2.2 Format Kandungan Tesis (Eksegesi)

Bab 1 Pengenalan (*Central Argument*)

- 1.1 Latar Belakang Kajian
- 1.2 Isu/Masalah Kajian (jika berkaitan)
- 1.3 Objektif Kajian
- 1.4 Soalan Kajian
- 1.5 Garis Panduan Projek
- 1.6 Limitasi Kajian
- 1.7 Signifikan Kajian
- 1.8 Kerangka Konseptual Kajian
- 1.9 Tinjauan Karya Terdahulu
- 1.10 Pembangunan Utama Dalam Penyelidikan Praktikal

Bab 2 Konteks (*Context*)

- 2.1 Tinjauan Teori
 - 2.1.1 Pengenalan
 - 2.1.2 Tinjauan Teori, dll.
- 2.2 Pelukis-pelukis Rujukan
 - 2.2.1 Pengenalan
 - 2.2.2 Tema/Isu dan pelukis-pelukis
 - 2.2.3 Tema/Isu dan pelukis-pelukis, dll

Bab 3 Kajian Studio (*The Studio Investigation*)

- 3.1 Pengenalan
- 3.2 Metodologi
- 3.3 Kajian Studio
 - 3.3.1 Fasa 1
 - 3.3.1.1 Karya 1
 - 3.3.1.2 Karya 2, dll
 - 3.3.2 Fasa 2
 - 3.3.2.1 Karya 1
 - 3.3.2.1 Karya 2, dll
 - 3.3.3 Fasa 3
 - 3.3.3.1 Karya 1
 - 3.3.3.2 Karya 2, dll

Bab 4 Kesimpulan

Rujukan

Appendix

Appendix A: Material sampingan berkaitan kajian.

Appendix B: Gambar-gambar karya di dalam Pameran Penilaian

Appendix C: Kurikulum Vitae

PENILAIAN PROGRAM SARJANA SASTERA & DOKTOR FALSAFAH DALAM BIDANG STUDIO SENI HALUS

1.0 Sarjana Sastera dalam bidang Studio Seni Halus

1.1 Karya Kreatif

Karya kreatif adalah hasil utama penyelidikan yang merupakan suatu inovatif di dalam bidang praktik seni yang mendatangkan sumbangan kepada penjanaan dan pengetahuan baharu dalam bidang seni visual. Sumbangan pada tahap Ijazah Sarjana adalah di peringkat nasional/serantau.

1.2 Tesis

Tesis hendaklah tidak kurang daripada 15,000 patah perkataan dan tidak melebihi 20,000 patah perkataan.

1.3 Seminar

Pembentangan meliputi penjelasan terhadap latar belakang kajian, persoalan, tujuan dan objektif kajian, sejauh mana objektif kajian dapat dicapai dan apakah hasilnya, kekuatan dan batasan kajian serta kaedah kajian yang dijalankan, dan implikasi terhadap perkembangan kajian. Calon wajib membuat pembentangan dalam seminar sekurang-kurangnya satu (1) kali bagi setiap tahun pengajian.

1.4 Pameran

Pameran perlu mempersembahkan karya-karya hasil daripada penyelidikan praktik studio terhadap sesuatu permasalahan atau isu yang dapat memberikan suatu sumbangan dan perkaitan yang jelas antara perkembangan karya yang dihasilkan serta dapat menjawab persoalan-persoalan kajian yang diutarakan.

Pameran akan bertempat di Galeri Seni UPSI, atau calon boleh memilih mana-mana galeri komersial yang terdapat di dalam negara (Malaysia) atas tanggungan sendiri.

2.0 Doktor Falsafah dalam bidang Studio Seni Halus

2.1 Karya Kreatif

Karya kreatif adalah hasil utama penyelidikan yang merupakan suatu inovatif di dalam bidang praktik seni yang mendatangkan sumbangan kepada penjanaan dan pengetahuan baharu dalam bidang seni visual. Sumbangan pada tahap Doktor Falsafah adalah di peringkat antarabangsa.

2.2 Tesis

Tesis hendaklah tidak kurang daripada 25,000 patah perkataan dan tidak melebihi 30,000 patah perkataan.

2.3 Seminar

Pembentangan meliputi penjelasan terhadap latar belakang kajian, persoalan, tujuan dan objektif kajian, sejauh mana objektif kajian dapat dicapai dan apakah hasilnya, kekuatan dan batasan kajian serta kaedah kajian yang dijalankan, dan implikasi terhadap perkembangan kajian. Calon wajib membuat pembentangan dalam seminar sekurang-kurangnya satu (1) kali bagi setiap tahun pengajian.

2.4 Pameran

Pameran perlu mempersembahkan karya-karya hasil daripada penyelidikan praktik studio terhadap sesuatu permasalahan atau isu yang dapat memberikan suatu sumbangan dan perkaitan yang jelas antara perkembangan karya yang dihasilkan serta dapat menjawab persoalan-persoalan kajian yang diutarakan.

Pameran akan bertempat di Galeri Seni UPSI, atau calon boleh memilih mana-mana galeri komersial yang terdapat di dalam negara (Malaysia) atas tanggungan sendiri.